

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 NOVEMBER 2016

## GERAKAN BAJU KUNING DAN DR. MAHATHIR

**Dalam kaitan mengenai perkembangan politik, bagaimana Datuk Seri mengukur kekuatan parti baharu yang dipimpin Tun Dr. Mahathir sekarang, yang menjelang Perhimpunan Agung UMNO ini menjadi semakin agresif, bukan sahaja menyerang UMNO tetapi juga menyerang Presiden UMNO?**

Saya melihat bahawa kalau kita kaji fenomena bila PKR ditubuhkan, Anwar Ibrahim (Datuk Seri) keluar dari UMNO, kita lihat pada masa itu, gelombang itu lebih ketara daripada apa yang berlaku pada hari ini. Jadi maknanya ia tidak sama, kesannya tidak sama, tetapi saya sedar bahawa di mana-mana kawasan, bahagian ataupun Parlimen, mesti ada orang yang tidak berpuas hati.

Atas sebab-sebab tertentu, tak dapat apa yang dia hendak dan sebagainya, kecewa. Jadi mereka cuba kumpulkan, kutip orang seperti ini untuk masuk dalam parti mereka untuk menentang kita, itu saya sedar dan sebagai seorang ahli politik yang agak lama, satu daripada pengajaran ialah *never ever underestimate your opponent* (jangan sesekali memandang rendah terhadap lawan kita). Ini kita mesti, mesti dalam sikap kita. UMNO mesti jangan *underestimate* atau *underrate* mereka yang

menentang kita.

Bukan kita takut kepada mereka, lain dengan soal takut tetapi kita jangan *underrate* dan kita mesti lakukan untuk mengekalkan kekuasaan yang ada pada kita.

**Saya menyebut tadi sebuah gerakan berbaju kuning yang dikatakan sebagai gerakan sivil tetapi kemudiannya di hijack (dirampas) sehingga menjadi gerakan yang propembangkang, bagaimana dari kaca mata Datuk Seri melihat hal ini?**

Mereka cuba menggambarkan kepada rakyat kononnya ini satu gerakan semata-mata untuk menentukan kesahihan sistem kita, sistem demokrasi kita tetapi yang menjadi kenyataannya bila mereka membuat apa-apa pun yang keliling mereka semuanya parti pembangkang. Jadi pada hakikatnya tak boleh kita pisahkan bahawa ini yang mereka lakukan atas nama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tetapi ini berkait rapat dengan soal politik sebab pada akhirnya, penghujungnya, matlamat sebenarnya ialah untuk menukar kerajaan yang dipimpin oleh UMNO hari ini.

**Bagaimana Datuk Seri melihat kecaman berterusan**



**Dr. Mahathir seorang yang mempunyai super ego yang besar. Dia mesti menang, kalau dia bertarung dia mesti menang, cuba nak menang. Jadi sekarang ini bila dia tidak berjaya, dia akan jadi lebih agresif...**

**terutama daripada bekas-bekas pemimpin UMNO terhadap Datuk Seri sendiri, bagaimana Datuk Seri mengawal ketenangan? Pasal kita lihat seolah-olah Datuk Seri tidak terusik pun dengan apa yang dilontarkan. Fokus utama Datuk Seri ke arah memperbaiki ekonomi negara, meneruskan agenda pembangunan rakyat?**

Saya dah faham pemimpin seperti Dr. Mahathir. Saya dah faham. Ada kaedah dia dan cara dia tetapi saya merasa serasi dengan sokongan dalam parti, maknanya apa yang dia cuba buat untuk menumbangkan saya dalam parti tidak berjaya.

Saya pun mendapat sokongan dalam kalangan ahli Parlimen dan saya lihat sikap

Um - 29/11/2016

parti Pas pun tidak bersama dengannya. Dalam Bajet 2017 baru-baru ini Pas berkecuali, Pas tidak menyokong pembangkang menolak bajet. Jadi, usaha yang dilakukan melalui deklarasi rakyat itu tidak sah dari segi undang-undang dan Perlembagaan. Sebab itulah Majlis Raja-Raja tidak menerima langsung apa yang dibuat dalam bentuk tersebut.

Jadi opsyen (pilihan) sekarang adalah untuk meyakinkan rakyat dan dalam proses itu dia akan serang saya sebab nak menumbangkan UMNO dia mesti serang Presiden UMNO, itu hakikatnya. Waktu Dr. Mahathir jadi Presiden UMNO, orang yang sama duduk keliling dia pada hari ini mengata dia lagi teruk. Kalau kita tengok balik *tape* atau video yang lama-lama, mereka mengutuk Dr. Mahathir lagi dahsyat.

Maknanya ini proses politik, mainan politik dan Dr. Mahathir seorang yang mempunyai *super ego* yang besar. Dia mesti menang, kalau dia bertarung dia mesti menang, cuba nak menang. Jadi sekarang ini bila dia tidak berjaya, dia akan jadi lebih agresif lagilah dengan kata-kata dan sebagainya.